



SOALAN LAZIM PENGISIAN BORANG BE

MAKLUMAT ASAS

S1: Bagaimana nombor rujukan Cukai Pendapatan perlu diisi dalam Borang BE?

J1: Sila masukkan sebelas (11) digit nombor rujukan Cukai Pendapatan Contoh: SG 01234567000 (sebelas digit) tanpa “-” dan “()”

S2: Tempoh sahlaku pasport Malaysia ialah selama 5 tahun. Adakah ini bermaksud saya akan mempunyai nombor rujukan cukai pendapatan baru setiap kali nombor pasport berubah ?

J2: Anda tidak akan diberi no. rujukan cukai pendapatan baru. Jika anda pernah mendaftar nombor pasport dengan LHDNM sebelum ini, sila isikan di ruangan 5. Nombor pasport baru boleh diisikan di ruangan 4 – nombor pasport semasa.

BAHAGIAN A – MAKLUMAT INDIVIDU

S3: Bagaimana mendapatkan Kod Negara bagi mengisi ruangan Warganegara di ruangan A1?

J3: Sila rujuk portal rasmi www.hasil.gov.my >Borang >Borang Nyata>Muat Turun : Individu : Tahun Taksiran> Buku Panduan atau Nota Penerangan Borang BE.

S4: Saya telah bercerai. Adakah jenis taksiran saya BERASINGAN?

J4: Jenis taksiran yang dipilih adalah “DIRI SENDIRI (bujang/janda/duda/simati)”.



BAHAGIAN B – PENDAPATAN BERKANUN, JUMLAH PENDAPATAN, CUKAI KENA DIBAYAR DAN KEDUDUKAN CUKAI

- S5:** Bagaimana mengisi ruangan Pendapatan (B1 sehingga B4) yang telah ditetapkan nilai sen sebab pendapatan diterima ada nilai sen?
- J5:** Sila tulis amaun Ringgit Malaysia tanpa nilai Sen dan tidak perlu dibundarkan.
Contoh: Pendapatan Berkanun Penggajian RM 125,955.67.
- Masukkan dalam B1 RM 125,955.
- S6:** Saya seorang jurutera dan ada membayar yuran professional kepada Persatuan Jurutera-Jurutera. Di mana saya boleh tuntut bayaran ini?
- J6:** Sila tolak dari Penggajian kasar (seperti di dalam EA). Amaun perlu diisi dalam ruangan Pendapatan berkanun penggajian (B1) adalah amaun penggajian bersih yang telah ditolak yuran professional.
- S7:** Saya mempunyai pendapatan sewa dari sebuah rumah dan mempunyai perbelanjaan berkaitan sewa. Bagaimana saya mengira pendapatan dan menuntut perbelanjaan ini?
- J7:** Anda boleh membuat pengiraan seperti di HK-4 (Butir-Butir Harta / Aset dan Jumlah Sewa) di Buku Panduan Borang BE untuk mendapatkan sewa bersih dan jumlah ini dipindahkan ke ruangan B2 dalam Borang BE. Selain itu, anda boleh menolak perbelanjaan tersebut daripada jumlah sewa kasar. Sila pastikan perbelanjaan tersebut adalah perbelanjaan dibenarkan.

S8: Saya ada menerima pencen. Perlukah saya laporkan pendapatan pencen saya. Bagaimana saya perlu isi dalam Borang BE?

J8: Pendapatan pencen perlu dilaporkan apabila :

- i. Bersara sebelum umur 55 tahun

Sekiranya anda bersara sebelum umur 55 tahun, pencen anda layak dikenakan cukai pendapatan sehingga anda berumur 55 tahun. Sila isikan pendapatan pencen tersebut di ruangan Pencen, anuiti dan bayaran berkala lain (B3).

- ii. Jika seseorang yang menerima lebih dari satu pencen ,jumlah pencen yang tertinggi sahaja yang dikecualikan cukai. Rujuk Perenggan 16 Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967.
- iii. Pencen terbitan.

Pencen terbitan yang diterima tidak dikenakan cukai.

Contoh: Isteri/suami terima pencen (terbitan) di atas kematian pasangan. Pencen ini tidak dikenakan cukai.

S9: Bagaimana hendak mengetahui derma yang dibuat adalah kepada badan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Malaysia ?

J9: Anda boleh menyemak di portal rasmi LHDNM> Pautan > Senarai Institusi Atau Organisasi Yang Diluluskan Dibawah Subseksyen 44(6) ACP 1967. Resit derma mesti menunjukkan frasa “Derma ini adalah di bawah Subseksyen 44(6) ACP 1967”.

S10: Jika saya (isteri) memilih taksiran bersama iaitu Jenis Taksiran (A5) Bersama atas nama suami, di manakah jumlah pendapatan saya perlu isikan di Borang BE?

J10: Puan perlu mengisi Borang BE sehingga Jumlah Pendapatan Sendiri (B6) sahaja dan terus ke Akuan (tandatangan). Pendapatan Tahun Kebelakangan (jika ada) yang belum dilaporkan perlu diisi di Bahagian E.



Soalan Lazim Percukaian Borang BE

S11: Jika saya (suami) memilih taksiran bersama iaitu Jenis Taksiran (A5) - Bersama atas nama suami, bagaimanakah cara saya isikan jumlah pendapatan saya dan isteri dalam Borang BE?

J11: Tuan perlu masukkan jumlah pendapatan sendiri sehingga B6. Kemudian pindahkan jumlah pendapatan isteri ke B7. Sila tentukan juga jenis pendapatan isteri yang dipindahkan itu sama ada perniagaan atau tiada pendapatan perniagaan dengan memasukkan 1 atau 2 pada ruangan B7. Jumlahkan B6 dan B7 untuk dapatkan jumlah pendapatan yang disatukan iaitu B8. Borang BE isteri perlu diisi terlebih dahulu sehingga B6 sahaja dan terus ke Bahagian Akuan sebelum dipindahkan ke B7 Borang BE suami.

S12: Bagaimakah saya membuat pengiraan cukai di ruangan pengiraan cukai pendapatan (B11)?

J12: Sila rujuk jadual cukai yang boleh didapati di Nota Penerangan Borang BE atau Buku Panduan Borang BE.

Contoh: Pendapatan bercukai bagi Tahun Taksiran 2013 adalah RM 50,000 di B10.

Di ruangan B11a, isikan Cukai ke atas yang pertama 35,000.00 adalah RM1,200.00

Di ruangan B11b, isikan Cukai ke atas baki 15,000.00 @ 11% adalah RM1650.00

Jumlah cukai pendapatan adalah RM 2,850 yang perlu diisi di B12.

S13: Adakah saya layak menuntut rebat cukai individu (B13), sekiranya pendapatan bercukai saya adalah RM 50,000?

J13: Tidak layak. Rebат cukai individu hanya layak bagi mereka yang mempunyai pendapatan bercukai tidak melebihi RM 35,000. Rujuk Perenggan 6A(2)(a) Akta Cukai Pendapatan 1967.



Soalan Lazim Percukaian Borang BE

S14: Adakah saya layak mendapat rebat cukai isteri di ruangan B13 sekiranya isteri tidak bekerja?

J14: Anda layak mendapat rebat cukai isteri sekiranya pendapatan bercukai (B10) tidak melebihi RM 35,000 dan pelepasan isteri telah dituntut.

S15: Adakah zakat atau fitrah yang telah dibayar pada tahun 2013 dan ingin menuntut dalam Tahun Taksiran 2014 dibenarkan tolakan ?

J15: Rebат zakat yang dibayar dalam tahun 2013 layak diberi tolakan bagi Tahun Taksiran 2013 sahaja. Anda boleh mengemukakan surat rayuan bersama resit asal bayaran zakat ke Cawangan yang mengendalikan fail cukai pendapatan anda sekiranya zakat yang dibayar dalam tahun 2013 belum dituntut lagi. Zakat yang dibayar oleh isteri yang tiada punca pendapatan tidak boleh dituntut oleh suami.

S16: Adakah zakat yang dimaksudkan zakat simpanan atau zakat harta?

J16: Zakat yang dimaksudkan adalah semua jenis bayaran zakat yang dibuat dalam sesuatu tahun kalender tersebut.

S17: Bagaimana saya boleh menuntut pelepasan cukai Seksyen 132 dan 133 di ruangan B15?

J17: **Seksyen 132** merujuk kepada tolakan cukai berhubung pendapatan dari Malaysia yang dikenakan cukai di Malaysia dan juga di luar Malaysia. Rujuk Lampiran F Buku Panduan Borang BE untuk menentukan negaranegara yang membuat perjanjian pengelakan percukaian dua kali dengan Malaysia. Pengiraan boleh dibuat di HK-8 Buku Panduan Borang BE.

Seksyen 133 merujuk kepada potongan cukai bagi satu pihak sahaja iaitu negara-negara yang tidak memeterai perjanjian pengelakan percukaian dua kali dengan Malaysia dan pengiraan boleh dibuat di HK-9 Buku Panduan Borang BE.



Soalan Lazim Percukaian Borang BE

S18: Saya memilih taksiran bersama. Di manakah Potongan Cukai Berjadual pasangan dimasukkan dalam Borang BE?

J18: Amaun PCB anda dan pasangan perlu dijumlahkan dan dimasukkan dalam ruangan B18 Borang BE.

BAHAGIAN E – PENDAPATAN TAHUN KEBELAKANGAN YANG BELUM DILAPORKAN

S19: Sekiranya pendapatan tahun kebelakangan saya melebihi ruangan disediakan dalam Borang BE . Bagaimana harus saya lakukan?

J19 : Gunakan lampiran berasingan seperti format di E1 hingga E2 dan kepilkan bersama Borang BE .

PENERANGAN RINGKAS :

SKIM PERSARAAN SWASTA (Private Retirement Scheme)

S1: Saya mula mencarum kepada skim persaraan swasta (*private retirement scheme*) pada Oktober 2012. Adakah saya layak mendapat pelepasan bagi caruman ini?

J1: Ya, anda layak. Pelepasan cukai bagi caruman skim ini berkuatkuasa selama 10 tahun mulai Tahun Taksiran 2012 sehingga Tahun Taksiran 2021. Pelepasan terhad kepada tuntutan maksimum RM3000 bagi setiap Tahun Taksiran. Pelepasan boleh dibuat di ruangan SKIM PERSARAAN SWASTA DAN ANUITI TERTUNDA (DEFERRED ANNUITY).

S2: Gaji kasar saya pada November 2012 adalah RM4,000. Majikan membuat potongan gaji saya untuk skim persaraan swasta (*private retirement scheme*) sebanyak RM 450 setiap bulan dan caruman majikan adalah RM760. Apakah amaun layak saya tuntut?

J2: Anda layak tuntut $RM450 \times 2 \text{ bulan} = RM 900$ sahaja bagi Tahun Taksiran 2012. Mulai Tahun Taksiran 2013, amaun caruman setahun adalah RM 5400 ($RM450 \times 12 \text{ bulan}$) tetapi tuntutan terhad kepada RM 3000 sahaja. Amaun caruman oleh pihak majikan tidak diambilkira dalam menentukan amaun pelepasan.

S3: Adakah pendapatan diterima oleh skim persaraan swasta (*private retirement scheme*) dikenakan cukai?

J3: Pendapatan yang diterima oleh skim persaraan swasta ini dikecualikan daripada cukai di bawah perenggan 20, Jadual 6 , ACP 1967.

S4: Bagaimana jika saya mengeluarkan caruman skim persaraan swasta (*private retirement scheme*) sebelum mencapai umur 55 tahun?

J4: Berkuatkuasa 01 Januari 2013, pencarum akan dikenakan cukai muktamad pada kadar 8% jika membuat pengeluaran awal sebelum mencapai umur 55 tahun. Peruntukan ini tidak terpakai bagi pengeluaran yang disebabkan kematian atau pencarum meninggalkan Malaysia selama-lamanya (*leaving permanently*).

S5: Saya ingin mengeluarkan caruman skim persaraan swasta berjumlah RM30, 000 sebelum mencapai umur 55 tahun. Berapakah cukai muktamad perlu dibayar?

J5: Pencarum akan dikenakan cukai muktamad sebanyak RM2400 ($RM 30000 \times 8\%$).



Soalan Lazim Percukaian Borang BE

S6: Saya ingin mengeluarkan caruman skim persaraan swasta (*private retirement scheme*) pada umur 45 tahun. Siapakah bertanggungjawab untuk membuat bayaran cukai muktamad 8% tersebut?

J6: Penyedia PRS (*private retirement scheme*) perlu memotong cukai sebanyak 8% dan meremitkan kepada KPHDN dalam tempoh 1 bulan selepas membuat bayaran kepada tuan.

S7: Jika penyedia PRS tersebut tidak membuat bayaran cukai muktamad 8%?

J7: Sekiranya penyedia PRS telah membuat bayaran kepada penerima tanpa memotong cukai muktamad 8% dan sanggup membayar cukai muktamad tersebut sendiri kepada KPHDN, maka penyedia PRS boleh mendapatkan kembali amaun cukai muktamad tersebut daripada tuan.

S8: Siapakah penyedia skim persaraan swasta (*private retirement scheme*) ini?

J8: Penyedia PRS merujuk kepada penyedia yang diluluskan di bawah seksyen 139Q, Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Sila rujuk laman web Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk maklumat lanjut.

Disediakan oleh:

**Jawatankuasa Pengemaskinian Soalan Lazim dan Pangkalan Ilmu
Pusat Khidmat Pelanggan
Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Januari 2015